Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 11, e001950
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1950

Peranan Kepimpinan Melayu Brunei dalam Pentadbiran BNBC di Borneo Utara (1881-1941)

(The Role of Brunei Malays' Leadership in the Administration of the BNBC in North Borneo (1881–1941)

Dg. Junaidah Binti Awang Jambol[1*], Nurulasyikin Binti Hassan[2]
Ang Kean Hua[3], Zulayti Zakaria[4]

[1]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: dgjunaidah@ums.edu.my
[2]Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.
Email: nurulasyikin.h@fsk.upsi.edu.my
[3]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: angkeanhua@ums.edu.my
[4]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: zulaytizakaria@ums.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Dg. Junaidah Binti Awang Jambol
(dgjunaidah@ums.edu.my)

KATA KUNCI:
Borneo Utara
Melayu Brunei
BNBC
Sistem Pentadbiran

KEYWORDS:
North Borneo
Brunei Malay
BNBC
Administrative System

CITATION:
Dg. Junaidah Awang Jambol et alxx. (2022). Peranan Kepimpinan Melayu Brunei dalam Pentadbiran BNBC di Borneo Utara (1881-1941). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(11), e001950. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1950

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan tentang peranan kepimpinan Melayu Brunei dalam pentadbiran pada zaman British North Borneo Chatered Company (BNBC) di Borneo Utara dari tahun 1881 sehinggalah 1941. Makalah ini merupakan satu usaha untuk merekonstruksikan semula landasan penjelasan tentang penglibatan kepimpinan Melayu Brunei di dalam pentadbiran yang direncanakan oleh pihak BNBC. Kebanyakan sumber yang digunakan terdiri daripada sumber yang berkaitan dengan topik yang telah dibincangkan namun, telah diolah dan dinilai semula di dalam perspektif yang baharu. Makalah ini juga akan akan membincangkan peranan dan kaedah yang digunakan oleh pihak BNBC untuk menarik ketua-ketua tempatan khususnya kepimpinan Melayu Brunei untuk menyertai institusi peribumi dan seterusnya mengikat kesetiaan mereka dengan pihak syarikat. Menerusi kajian ini juga didapati bahawa pihak BNBC telah berjaya menemui formula yang berkesan bagi memastikan masyarakat peribumi khususnya masyarakat Melayu Brunei untuk mengikuti semua polisi dan dasar baharu yang ditetapkan oleh pihak BNBC sehingga akhirnya perubahan ini telah mempengaruhi keberadaan dan pengekalan kepimpinan Melayu Brunei dalam pentadbiran di Borneo Utara pada tahun-tahun berikutnya.

ABSTRACT

This paper discusses the role of Bruneian Malay leadership

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

in the administration during the time of the British North Borneo Chartered Company (BNBC) in North Borneo from 1881 until 1941. This paper is an effort to reconstruct the topics regarding the involvement of the Brunei Malay leadership in the administrative planned by BNBC. Most of the resources used consist of sources related to the topic that have been discussed but have been reworked and reassessed from a new perspective. This paper will also discuss the roles and methods used by BNBC to attract local leaders, especially the Brunei Malay leadership, to join the indigenous institutions and subsequently tie their allegiances to the company. Through this study, it was also found that BNBC has discovered an effective way to make sure that the indigenous community, especially the Brunei Malay community, follows all its new policies and rules. This change has affected the existence and retention of the Brunei Malay leadership in the administrative of North Borneo in the years to come.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada tentang peranan kepimpinan Melayu Brunei di dalam politik pentadbiran British North Borneo Chatered Company (BNBC) di Borneo Utara. Secara spesifiknya ia memberikan sumbangan data empirikal berkaitan dengan corak pentadbiran yang dilaksanakan oleh pihak BNBC di peringkat daerah dan kampung sehingga mampu mengikat kesetiaan kepimpinan peribumi khususnya kepimpinan Melayu Brunei untuk membantu melancarkan pentadbiran BNBC di Borneo Utara.

1. Pengenalan

Sewaktu era pemerintahan Kesultanan Brunei, kebanyakan daripada hal-ehwal politik pentadbiran didominasi sepenuhnya oleh golongan bangsawan Melayu Brunei. Kebanyakan masyarakat Melayu Brunei menjalankan aktiviti perdagangan dan menjadi nelayan. Sebelum bermulanya pentadbiran kuasa-kuasa Barat di utara Borneo, wakil-wakil Sultan Brunei yang memiliki status kebangsawanan bukan sahaja berkuasa untuk mentadbir wilayah-wilayah di utara Borneo tetapi juga turut berperanan untuk memungut cukai perdagangan dan cukai penduduk dalam kalangan masyarakat peribumi. Hasil cukai ini kemudiannya akan diserahkan kepada pemilik-pemilik kawasan tersebut. Umpamanya, di kawasan Pantai Barat seperti Papar, Pengalat Kecil, Bongawan, Benoni, Kimanis, Putatan, Pengalat Besar, Kinarut, Tuaran, Api-Api, Mengkabong, Inanam, Menggatal dan Kawang masing-masing dimiliki oleh Pengiran Temenggung, Sultan Abdul Mumin, Pengiran Muda Tajuddin, Pengiran Jallaluddin, Pengiran Rauf dan anaknya Syarif Jahir (Sabihah, 1985: 12; Singh, 2003: 154-155; Ismail, 1997: 35-38; Dg. Junaidah, 2018:109).

Pemilik-pemilik kawasan *Tulin* ini kemudiannya akan melantik pembantu dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei dan ketua-ketua peribumi lain untuk memudahkan lagi urusan perdagangan dan pemungutan cukai dalam kalangan penduduk. Lazimnya, pemilihan pembantu pentadbir Brunei ini terdiri daripada ketua tempatan yang setia kepada mereka. Ketua-ketua tempatan ini juga akan diberikan kuasa untuk mentadbir dan menguasai beberapa buah kampung yang boleh digolongkan sebagai daerah kecil. Ketua kampung atau Orang Tua akan di letakkan di bawah pengaruh Ketua Tempatan yang berperanan untuk menjalankan pentadbiran di peringkat kampung. Dari segi teori,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pelaksanaannya ini amat mudah untuk dilaksanakan oleh Kesultanan Brunei khususnya dalam meningkatkan cukai dan mengekalkan kewibawaannya namun, dari segi praktiknya, timbul kerumitan dalam aspek pengurusan kerana penduduk utara Borneo terdiri daripada pelbagai kaum (Sabihah, 1985: 15).

Ketelitian kawalan Kesultanan Brunei terhadap masyarakat di bawah pemerintahannya adalah berbeza-beza dan bergantung kepada beberapa faktor termasuk jarak masyarakat dari pantai, jarak mereka dari ibu kota Brunei, nilai sumber-sumber pengeluaran yang mereka kawal dan juga ciri-ciri sosio-budaya mereka (Yap, 2001: 41). Menurut Rutter (1988) sewaktu pemerintahan Sultan Brunei, masyarakat peribumi lain di utara Borneo mengalami penindasan daripada pembesar-pembesar Brunei kerana mereka dipaksa untuk membayar cukai yang banyak. Sekiranya mereka tidak mampu untuk membayar cukai tersebut maka harta benda dan kaum wanita mereka akan dirampas. Tuntutan cukai ini mengakibatkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat peribumi (Rutter, 1988: 135).

Sewaktu pentadbiran Kesultanan Brunei di utara Borneo juga kebanyakan masyarakat Melayu Brunei juga tidak dikenakan cukai yang tinggi dan ketat sepertimana masyarakat lain (Pengiran Fauzi, 2011). Oleh sebab itu, kehidupan mereka dilihat lebih mewah dan senang berbanding dengan masyarakat peribumi lain. Hal ini mungkin berlaku berikutan hubungan baik yang sudah lama terjalin di antara pembesar di kerajaan Brunei dengan masyarakat Melayu Brunei di utara Borneo. Perlu diketahui juga bahawa hak pembesar Brunei terhadap masyarakat peribumi terbahagi kepada tiga iaitu mengadili kesalahan jenayah, mengenakan cukai dan mengawal perdagangan. Namun begitu, sistem pentadbirannya banyak dikuatkuasakan kepada masyarakat yang lemah dan masyarakat yang tinggal berdekatan dengan ibu kota. Antara cukai-cukai yang dikenakan adalah cukai peribadi, cukai import dan cukai eksport (Asbol, 2011:120-122).

Lazimnya, lebih dekat sesebuah sungai dengan ibu kota kerajaan Brunei maka lebih teliti pengawasan golongan pemerintah dan lebih banyak cukai serta denda yang dikenakan kepada penduduk. Cukai peribadi boleh dibahagikan kepada enam kategori iaitu Cukai Kepala, Cukai Dagang, Cukai Serah, Cukai Basuh Betis, Cukai Bongkal Sauh dan Cukai Tolongan. Cukai Kepala merupakan cukai tahunan yang dikenakan kepada lelaki dewasa di beberapa tempat. Lazimnya, Sultan akan memerintahkan wakil-wakilnya dari Brunei untuk mengutip cukai-cukai tersebut. Cukai Dagang dikenakan setiap tahun ke atas pedagang. Jumlah cukai yang dikenakan adalah berbeza-beza dan bergantung kepada kemampuan orang yang dikehendaki membayarnya. Selepas membayar cukai dagang tersebut, pedagang-pedagang bebas menjalankan perdagangan mereka. Cukai Serah merupakan cukai tahunan dan hampir sama dengan cukai dagang. Cukai Basuh Betis akan dikenakan kepada masyarakat yang tinggal di kawasan sungai apabila Pengiran melawat sungainya. Cukai Bongkal Sauh pula merupakan cukai yang perlu dikutip oleh masyarakat yang tinggal di kawasan sungai apabila Sultan meninggalkan sungainya manakala Cukai Tolongan pula perlu dikutip apabila berlakunya kematian, perkahwinan dan pembinaan rumah baru dalam keluarga Pengiran. Selain cukai-cukai tersebut, terdapat juga cukai-cukai lain yang turut dikenakan seperti apabila seseorang penduduk dalam kawasan sungai Pengiran meninggal dunia hampir keseluruhan hartanya perlu diserahkan kepada Pengiran tersebut (Tarling, 1971: 5; Asbol, 2011:120-122).

Pada abad ke-19, Kerajaan Kesultanan Brunei tidak mempunyai pasukan polis atau tentera. Hal ini kerana sekiranya Sultan Brunei ingin menggunakan perkhidmatan tentera, baginda akan mengarahkan sebahagian rakyatnya untuk menjadi tentera.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dalam hal ini, Sultan Brunei tidak akan menjadikan masyarakat Melayu Brunei sebagai kerahan tentera mereka kerana baginda akan menjadikan masyarakat peribumi lain seperti Bajau, Iranun, Iban dan Kayan sebagai tentera bagi kerajaan Brunei (BNBH, 1884: 5). Lazimnya, golongan pembesar yang menjadi wakil Sultan untuk mentadbir wilayah jajahan khususnya di kawasan pantai barat akan melantik masyarakat Melayu Brunei sebagai Ketua Kampung atau Orang Tua untuk memudahkan lagi urusan pentadbiran. Mereka ini juga dikategorikan sebagai kelas pentadbir rendah dalam struktur kuasa istana Brunei. Selepas tamatnya pemerintahan Kesultanan Brunei di utara Borneo, peranan masyarakat Melayu Brunei di dalam pentadbiran terus kekal di beberapa kawasan yang didominasi oleh masyarakat ini. Keadaan tersebut secara tidak langsung memberikan imej dan kelebihan kepada masyarakat Melayu Brunei di kawasan pantai barat kerana dianggap sebagai kaum yang lebih *superior* berbanding dengan masyarakat peribumi lain (Dg. Junaidah & Baszley, 2021: 41).

2. Peranan Kepimpinan Melayu Brunei dalam pentadbiran BNBC

Pada tahun 1881, pihak *British North Borneo Company* (BNBC) telah memperolehi 'Piagam Diraja' daripada pihak British dan menjadi pentadbir rasmi di Borneo Utara. Di bawah pentadbiran 'Piagam Diraja,' pihak BNBC telah melakukan perubahan yang amat ketara di dalam sistem politik pentadbiran dan seterusnya melenyapkan secara perlahan-lahan corak pentadbiran tradisional yang telah terbina sewaktu era pemerintahan Kesultanan Brunei. Apabila pihak BNBC menjalankan pentadbiran di Borneo Utara secara rasmi pada tahun 1881 sehingga tahun 1941 situasi dan pengaruh masyarakat Melayu Brunei yang telah menetap di Borneo Utara mulai berubah (Osman, 1997: 31; R.M Jasni, 1965: 33). Hal ini kerana kebanyakan daripada kegiatan tradisi yang dijalankan telah disekat oleh pihak BNBC melalui pelaksanaan pelbagai polisi dan dasar yang membatasi sosiopolitik masyarakat peribumi seluruhnya. Tujuan utama pihak BNBC melakukan sedemikian adalah untuk mengelakkan sebarang bentuk penentangan terhadap pentadbiran baharu yang dilaksanakan oleh pihak syarikat. Pada ketika itu, sekiranya berlaku sebarang penentangan daripada masyarakat peribumi maka pihak syarikat akan cuba menyebarkan provokasi bagi melindungi kepentingan mereka (Black, 1983: 211-212).

Sewaktu BNBC menjalankan pentadbirannya di Borneo Utara, pihak syarikat terpaksa berhadapan dengan ketua-ketua bebas dan pembesar-pembesar Brunei yang masih terikat dengan keputusan istana. Lazimnya, bagi golongan yang setia kepada Sultan, kaedah perjanjian akan digunakan untuk memperoleh wilayah-wilayah Tulin milik Sultan dan para pembesarnya manakala bagi menghadapi ketua-ketua bebas kaedah peperangan akan diguna pakai oleh pihak BNBC untuk menyelesaikan perebutan wilayah. Selepas berjaya menguasai keseluruhan wilayah di Borneo Utara, BNBC telah memperkukuhkan institusi peribumi untuk membantu para pegawainya menjalankan pentadbiran di peringkat daerah dan kampung (Baszley, 2011: 100).

Secara dasarnya, kebanyakan wakil Sultan dan golongan bangsawan Melayu Brunei yang pernah berkhidmat dengan Kesultanan Brunei telah diserap masuk ke dalam institusi peribumi oleh pihak BNBC bagi memudahkan pentadbirannya. Wakil-wakil Sultan dan golongan bangsawan ini pada awalnya merupakan ketua kaum dan wilayah yang bertindak sebagai pemungut cukai di wilayah Tulin milik Kesultanan Brunei dan kaum kerabatnya. Pelantikan mereka oleh pihak BNBC adalah disebabkan oleh pengaruh dan pengalaman mereka di dalam hal-ehwal pentadbiran. Pada waktu itu, pihak BNBC sangat memerlukan individu yang berpengalaman dalam membantu mereka

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menjalankan pentadbiran di peringkat daerah dan kampung. Antara individu Melayu Brunei terawal yang dilantik untuk menjadi Ketua Anak Negeri (KAN) di dalam institusi peribumi ialah Pengiran Mohammad Abbas (*Provensi Dent*), Pengiran Haji Omar (*South Keppel*), Pengiran Osman (Labuk dan Sugut), Mohammad Saman (*South Keppel*) dan Pengiran Seruddin (Papar) (Baszley, 2011: 100).

Walau bagaimanapun, ketokohan para pemimpin dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei ini hanya mulai terserlah dan dapat dikesan penglibatannya selepas tahun 1900 iaitu pada ketika BNBC telah berjaya mewujudkan bukan sahaja sebuah pentadbiran yang kukuh malah telah berjaya menguasai keseluruhan wilayah di Borneo Utara. Menurut Pengiran Fauzi (2011), kebanyakan tokoh-tokoh yang dilantik menjadi KAN sebelum ini secara dasarnya berasal daripada golongan bangsawan Melayu Brunei yang memiliki legasi dan pengaruh kuat di dalam wilayah masing-masing yang diwarisi daripada keturunan mereka. Walau bagaimanapun, beliau tidak menafikan ada di antara anak-anak KAN dapat meneruskan legasi tersebut dan tidak kurang juga yang gagal meletakkan anak-anak mereka untuk menjawat jawatan KAN (Pengiran Fauzi, 2011).

Pada peringkat awal penubuhan institusi peribumi, kebanyakan kaum Dusun dan Bajau lebih terserlah penglibatannya di mata pihak BNBC berbanding dengan masyarakat Melayu Brunei kerana kebanyakan penentangan dan pemberontakan berlaku di wilayah bebas yang diketuai oleh kaum Bajau dan Dusun. Oleh itu, bagi memastikan keamanan terjamin, maka pihak BNBC berusaha untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan kaum-kaum tersebut. Perlu diketahui, bilangan masyarakat Melayu Brunei di Borneo Utara ini tidaklah ramai dan keberadaan mereka di Borneo Utara hanya tertumpu di wilayah-wilayah tertentu sahaja khususnya di kawasan pantai barat (Lee, 1982 :34-35). Maka dengan itu, agak sukar untuk mengenal pasti kedudukan dan peranan kepimpinan Melayu Brunei di wilayah lain kecuali wilayah yang majoritinya dididuduki oleh masyarakat Melayu Brunei seperti di kawasan pantai barat. Bagi golongan bangsawan Melayu Brunei yang menetap di wilayah Tulin seperti Benoni, Membakut, Bongawan, Padas Damit dan Sipitang mereka mula terlibat di dalam institusi peribumi atas dasar terpilih menjadi Ketua Daerah di dalam kelompok masyarakatnya. Berdasarkan daripada pelantikan ini, pihak BNBC akan melihat dan menilai kemampuan anak-anak buah mereka dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan oleh pihak BNBC sebelum membuat pemilihan bagi jawatan KAN (Phelan, 2003: 130-131).

Pembahagian ketua-ketua tradisional ini juga bergantung kepada pengaruh, kekuatan dan kesetiaan mereka kepada pihak syarikat. Contohnya di Benoni, Orang Tua yang dilantik dalam kalangan masyarakatnya ialah Ampuan Japar kemudian digantikan oleh Ampuan Saman manakala KAN yang telah dilantik oleh pihak BNBC pada ketika itu ialah Ampuan Oman. Di daerah Papar kebanyakan KAN yang dilantik adalah dalam kalangan kaum Dusun dan Bajau. KAN yang pertama adalah dalam kalangan kaum Dusun iaitu Dugassa dan hanya beberapa tahun selepas itu baharulah terdapatnya masyarakat Melayu Brunei yang dilantik menjadi KAN di Papar iaitu Pengiran Seruddin (NBCA No.73E: 9; Singh, 2003: 310).

Pada awal tahun 1886 sehinggalah tahun 1925, terdapat dua orang KAN yang diperakui oleh pihak BNBC dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei iaitu Pengiran Mohammad Abbas sebagai KAN di Membakut dan Pengiran Haji Omar KAN di Sipitang. Pengiran Mohammad Abbas merupakan individu yang penting dalam pentadbiran kerana dianggap sebagai pengganti kepada Haji Saman yang sangat disegani dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei. Manakala Pengiran Haji Omar pula merupakan individu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang sangat berpengaruh dalam kalangan masyarakat Brunei dan Dusun. Kebolehan beliau dalam menangani isu-isu masyarakat Islam dan bukan Islam khususnya masyarakat Dusun sangat dikagumi oleh para pegawai BNBC. Beliau juga turut diberikan kepercayaan untuk menulis buku Kod Undang-Undang Islam yang kemudiannya menjadi rujukan penting kepada para KAN dalam mengendalikan kes-kes peribumi yang melibatkan orang Islam di Mahkamah Anak Negeri (Singh, 2003: 310). Kedua-dua individu ini berperanan penting dalam membantu mengendalikan pentadbiran di peringkat daerah, membantu Penolong Pegawai Daerah memungut hasil dan cukai untuk kerajaan serta bertindak sebagai agen tanah kerajaan dengan kuasa untuk memperuntukkan tanah yang belum diduduki bagi pembinaan rumah serta pertanian tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Pegawai Daerah dan kelulusan daripada Residen (Sabihah, 1985: 25).

Selain itu, mereka juga bertanggungjawab untuk menjaga keamanan dan menguruskan hal-ehwal keadilan yang berkaitan dengan masyarakat peribumi. Pada tahun 1915 sehinggalah tahun 1917, bidang tugas mereka kemudiannya telah diperluaskan dengan penambahan tugas-tugas berkaitan dengan penyimpanan semua rekod-rekod kes peribumi termasuklah penyimpanan rekod penyata cukai dan pemindahan milik tanah. Para KAN gred I perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecekapan dalam pengurusan rekod kerana KAN gred I akan ditauliahkan menjadi Ketua Daerah. Oleh yang demikian, golongan KAN perlu mempunyai pendidikan asas seperti membaca, menulis dan mengira yang lazimnya diperoleh dari sekolah khas untuk anak-anak KAN, sekolah *missionary* dan sekolah vernakular. Namun begitu, penerimaan masyarakat Melayu Brunei terhadap pendidikan formal sangat perlahan berbanding dengan kaum-kaum lain bukan sahaja kerana yuran persekolahan yang mahal iaitu 25 sen sehari tetapi juga lokasi sekolah yang terletak jauh dari penempatan mereka (Dg. Junaidah, 2012: 190). Keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong kepada kemerosotan penglibatan masyarakat Melayu Brunei di dalam pentadbiran BNBC di Borneo Utara.

Perlu diketahui bahawa kebanyakan kepimpinan Melayu Brunei yang terlibat dengan pentadbiran awal BNBC dilantik sebagai KAN gred I. Contohnya, adalah seperti Pengiran Mohammad Abbas yang dilihat sebagai individu yang sangat penting oleh pihak BNBC khususnya dalam membantu melicinkan pentadbiran institusi peribumi. Hal ini terbukti apabila beliau sering dipuji oleh para Pegawai BNBC bukan sahaja kerana kebijaksanaannya tetapi juga kecekapan dalam aspek pengurusan dan penyimpanan rekod-rekod kes peribumi yang dibicarakan di Mahkamah Anak Negeri. Beliau dikatakan sentiasa merekodkan semua kes yang telah beliau adili di Mahkamah Anak Negeri dan mencatatkan bentuk penyelesaian yang telah dilakukannya untuk memudahkan para KAN yang lain untuk membuat rujukan. Di samping itu juga beliau merupakan individu pertama yang telah mencadangkan supaya catatan minit mesyuarat Majlis Penasihat Ketua-Ketua Anak Negeri (MPKAN) dibuat di dalam dwi bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Tujuannya adalah untuk memastikan semua ahli MPKAN boleh memahami isu-isu yang dibincangkan dengan lebih jelas (NBCA No.73E: 73; Singh, 2003: 310).

Selain daripada Pegiran Mohamad Abbas, Pengiran Haji Omar juga merupakan KAN Gred I. Beliau merupakan individu yang sangat lantang dalam menyuarakan pandangan berkaitan masalah peribumi dan kenyataan beliau sering kali diminitkan di dalam mesyuarat MPKAN sebagai individu yang akan memulakan mesyuarat dengan ucapan serta percambahan pelbagai idea sebelum sesi perbincangan dijalankan. Keistimewaan utama yang diperoleh sebagai KAN gred I ialah mereka mempunyai kelebihan untuk

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

berhubung terus dengan gabenor untuk menyelesaikan isu-isu penting yang memerlukan tindakan segera. Contohnya adalah seperti isu kemarau panjang yang menyebabkan tersebarnya pelbagai wabak penyakit kepada penduduk. Hasil daripada keputusan majlis tersebut menyarankan supaya semua penduduk diwajibkan mengambil vaksin bagi mengelak penularan wabak penyakit (NBCA No.73: 73).

Perlu difahami juga bahawa jawatan KAN gred I ini hanya diberikan kepada individu yang berpengalaman, cekap dan berpengaruh dalam kalangan masyarakat. Jawatan KAN ini juga tidak boleh diwarisi oleh anak-anaknya kecuali mereka mempunyai potensi, cekap dan berkemahiran sepertimana bapa mereka. Kebanyakan masyarakat Melayu Brunei yang berjaya dilantik menjadi KAN gred I juga tidak lagi terikat dengan status kebangsawanan mereka kerana pihak BNBC telah memberikan penganugerahan gelaran baharu iaitu Orang Kaya Kaya (O.K.K) kepada KAN yang layak menerimanya. BNBC juga terpaksa bergantung dengan institusi peribumi ini untuk menjamin kestabilan pentadbiran syarikat di bahagian pedalaman (Sabihah, 1985: 17).

Selain itu, keanggotaan kepimpinan Melayu Brunei di dalam MPKAN adalah tetap dan hanya boleh digugurkan melalui kes-kes peletakan jawatan dan pembatalan keanggotaan oleh gabenor. Hal ini kerana kedudukan gabenor di dalam MPKAN adalah sebagai presiden dan beliau dibantu oleh setiausaha kerajaan dan residen-residen di pantai barat dan pantai timur. Meskipun MPKAN hanya beroperasi dalam tempoh masa yang singkat namun, pengalaman tersebut telah memberikan mereka pengalaman untuk menyuarakan pandangan dengan lebih idealistik khususnya berkaitan dengan isu-isu kesihatan, kemarau, cukai ke atas tuak, kawalan terhadap tanaman padi, bayaran balik cukai tanah, sago dan perkara-perkara mengenai hal-ehwal keluarga peribumi seperti penjualan tanah peribumi kepada orang asing serta penterjemahan undang-undang daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu (Sabihah, 1985: 17).

Sepanjang pentadbiran BNBC di Borneo Utara juga terdapat pemimpin-pemimpin Melayu Brunei yang berjaya dilantik menjadi Pembantu Pegawai Daerah atau *Deputy Assistant District Officer* (DADO). Pada ketika itu, O.K.K Pengiran Haji Omar yang ditempatkan di Putatan, O.K.K Mohamad Saman di Beaufort dan O.K.K Pengiran Osman yang ditempatkan di Labuk dan Sugut telah dilantik menjadi DADO untuk membantu tugas-tugas Penolong Pegawai Daerah di kawasan masing-masing (North Borneo Gazzete, 1920: 30). Pengiran Mohammad Abbas pula tidak berkesempatan untuk dilantik menjadi DADO kerana usianya yang sudah lanjut. Dari sudut literalnya, pelantikan O.K.K Pengiran Haji Omar, O.K.K Mohamad Saman dan O.K.K Pengiran Osman adalah disebabkan oleh pengaruh dan kecekapan mereka dalam menjalankan tugas KAN sepanjang berkhidmat dengan BNBC (Tregoning, 1965: 118).

Walau bagaimanapun, Pegawai Eropah masih lagi kurang mempercayai dan meyakini akan kebolehan DADO dalam kalangan masyarakat peribumi meskipun sebenarnya mereka diberikan kuasa yang sama sepertimana Pegawai Eropah. Dalam konteks ini, Pegawai Eropah telah bertindak mengehadkan kuasa DADO dengan tidak memberikan jaminan kenaikan pangkat yang lebih tinggi kepada mereka terutamanya untuk menjadi Penolong Pegawai Daerah atau Pegawai Daerah. Hal ini turut dialami oleh O.K.K Pengiran Haji Omar, O.K.K Mohammad Saman dan O.K.K Pengiran Osman, apabila tugas-tugas mereka akan sentiasa diawasi oleh para Pegawai Eropah yang berpengalaman. Selain daripada menjalankan tugas sebagai DADO di daerah masing-masing, mereka juga turut menerima tugasan untuk mengawal daerah pedalaman yang sukar dilawati oleh para Pegawai Eropah malah mereka juga turut diminta untuk menghantar laporan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

bulanan kepada Penolong Pegawai Daerah atau terus kepada Residen (Sabihah, 1985: 30-31).

Lazimnya, DADO peribumi akan ditugaskan di daerah-daerah masing-masing kerana kekuatan pengaruh mereka di kawasan tersebut dan pada masa yang sama bertujuan untuk menampung kekurangan kakitangan Pegawai Eropah (BNBH, 1890: 15). Namun begitu, DADO-DADO peribumi tidak dapat lari daripada perspektif negatif para pegawai BNBC yang berpendapat bahawa DADO-DADO ini tidak akan dapat menjalankan tugas mereka dengan baik apabila mereka dipindahkan ke kawasan-kawasan lain. Berdasarkan pandangan tersebut, maka biarpun mereka mempunyai kecekapan dan sangat setia terhadap pihak syarikat, kedudukan mereka tidak akan setaraf dengan kecekapan para Pegawai Eropah. Walau bagaimanapun, mereka juga tidak menafikan tentang terdapatnya para pegawai yang dapat membuktikan kebolehan dan keberkesanan pentadbiran mereka di daerah masing-masing. Keadaan ini secara tidak langsung telah mewujudkan sentimen dan prasangka buruk terhadap kebolehan para pegawai peribumi dalam membantu menjalankan pentadbiran BNBC (Tarling, 1971: 300-301).

Sewaktu pentadbiran BNBC juga corak kepimpinan tradisional yang diamalkan semasa pemerintahan Kesultanan Brunei dan Sulu tidak dibenarkan berkembang. Bagi memastikan perancangan ini berjaya maka pihak BNBC telah menggunakan jawatan KAN dan Orang Tua untuk mengikat kesetiaan mereka kepada pihak syarikat agar tidak wujud kesatuan yang boleh menggugat keamanan pentadbiran mereka. Hal ini kerana kedudukan golongan KAN di dalam pentadbiran BNBC ini juga sebenarnya tidak akan pernah berubah meskipun telah lama berada di dalam pentadbiran mereka. Situasi ini terjadi kerana kebanyakan kepimpinan Melayu Brunei yang dilantik menjadi KAN hanya berpeluang untuk mentadbir di peringkat tempatan sahaja tanpa sebarang bentuk perubahan dari segi perjawatan dalam tempoh 60 tahun BNBC mentadbir di Borneo Utara. Keadaan ini memberikan banyak kelebihan kepada pihak BNBC untuk mengawal golongan KAN dan Orang Tua daripada bangkit menentang pentadbiran BNBC.

Oleh yang demikian itu, didapati bahawa ketua-ketua tempatan ini terpaksa akur dengan pelbagai arahan dan tugas-tugas yang diberikan oleh pegawai BNBC sepertimana yang telah digariskan di dalam Undang-Undang Pentadbiran Kampung. Keakuran ketua-ketua tempatan ini bukan sahaja untuk menjamin keselamatan mereka malah untuk memastikan mereka terus relevan untuk berada dalam politik pentadbiran BNBC. Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawasanya kebanyakan taraf sosial golongan elit masyarakat Melayu Brunei sewaktu zaman pemerintahan Kesultanan Brunei telah merosot terutamanya dalam aspek kedudukan, pengaruh dan kuasa politik mereka di kawasan yang pernah dikuasai oleh Sultan Brunei. Perkara ini berlaku kerana tiada jaminan yang diberikan oleh pihak BNBC untuk mengekalkan semua elit tradisional masyarakat Melayu Brunei dalam pentadbiran baharu BNBC kerana bimbang kedudukan dan pengaruh BNBC akan tergugat. Di samping itu, kehilangan hak monopoli hasil daerah dan penggantian dengan jawatan bergaji merupakan titik tolak kepada keruntuhan awal institusi elit dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei di Borneo Utara.

Selain itu, pihak BNBC juga mengambil masa yang agak lama untuk mewujudkan penguasaan politik yang berkesan di daerah pedalaman. Oleh itu, mereka telah menggunakan kelebihan kepimpinan Melayu Brunei yang telah lama menetap di persisiran pantai dan terdedah dengan pengalaman mentadbir di wilayah Tulin

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kesultanan Brunei untuk menjalinkan hubungan dengan kaum-kaum lain yang berada di kawasan pedalaman (Tregoning, 2007:105; Lee, 1982: 34). Tindakan pihak BNBC ini bukanlah bermakna mereka percaya dengan kebolehan para pentadbir tempatan akan tetapi keterlibatan mereka dalam pentadbiran BNBC adalah untuk menjimatkan kos perbelanjaan pengurusan di peringkat daerah ekoran daripada kurangnya kakitangan Eropah.

Bagi golongan bangsawan Melayu Brunei pula pelaksanaan sistem pentadbiran baharu yang diperkenalkan oleh BNBC secara keseluruhannya telah menyebabkan pengaruh dan kekuasaan mereka semakin merosot khususnya dalam aktiviti pemilikan hamba yang lazimnya menjadi simbolik kepada pengaruh, kekayaan dan kekuasaan mereka terhadap masyarakat peribumi lain. Kemerosotan ini merupakan petanda awal kepada keruntuhan yang berterusan terhadap legasi yang ditinggalkan oleh Kesultanan Brunei terhadap kaum kerabatnya di Borneo Utara. Biarpun pada awal pentadbiran BNBC penglibatan golongan bangsawan Melayu Brunei dilihat menonjol namun, secara perlahan-lahan bilangan mereka di dalam institusi peribumi semakin berkurangan kerana ketiadaan waris yang layak untuk menggantikan tugas mereka. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberikan kesan yang signifikan ke atas penglibatan Melayu Brunei di dalam politik pentadbiran pada tahun-tahun berikutnya.

3. Kesimpulan

Sewaktu fasa awal pentadbiran BNBC di Borneo Utara, pentadbiran BNBC lebih banyak memfokuskan kepada proses untuk memperkukuhkan struktur politik pentadbiran di Borneo Utara melalui penguasaan secara menyeluruh wilayah-wilayah yang masih dimiliki oleh Kesultanan Brunei dan kaum kerabatnya bagi mewujudkan pentadbiran yang seragam dan berkesan. Oleh itu, pada peringkat awal pentadbiran, institusi peribumi telah digunakan oleh pihak BNBC untuk membantu melancarkan sistem pentadbirannya di Borneo Utara. Perubahan corak pentadbiran di Borneo Utara juga telah menyebabkan kebanyakan golongan bangsawan mengalami kemerosotan pengaruh rentetan penghapusan sistem perhambaan yang telah menjadi amalan kehidupan masyarakatnya. Kegagalan mereka untuk bersaing dan membina hubungan baik dengan para pegawai BNBC juga telah menyebabkan mereka dilihat kurang menonjol berbanding dengan kaum-kaum lain. Walau bagaimanapun, tidak semua wilayah yang diduduki oleh masyarakat Melayu Brunei mengalami permasalahan yang sama. Hal ini kerana terdapat beberapa wilayah Tulin masih lagi diletakkan di bawah pimpinan golongan bangsawan Melayu Brunei dan mereka mempunyai pengaruh yang kuat dalam kalangan masyarakat. Sewaktu pentadbiran BNBC juga kepimpinan Melayu Brunei telah diberikan peluang menjadi KAN, Pengerusi MPKAN dan DADO. Dalam hal ini meskipun pihak pentadbir memperakui kepentingan peranan kepimpinan Melayu Brunei di dalam institusi peribumi, namun bilangan mereka dalam pentadbiran semakin berkurangan ekoran ketiadaan waris yang layak untuk menggantikan tugas mereka. Situasi ini telah menyebabkan mereka tidak mampu mendominasi kaum-kaum lain yang turut sama berusaha untuk memperoleh keutamaan dalam pentadbiran penjajah pada tahun-tahun berikutnya.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Para penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah di atas pembiayaan penyelidikan ini**.**

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan di bawah Skim Lantikan Baru (SLB2240).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Asbol Mail. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19 politik dan struktur pentadbiran*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.

Baszley Bee B. Basrah Bee. (2011). *Sekilas pandang kedudukan etnik Melayu Brunei dalam dimensi politik sabah, 'yang hilang sukar diganti'* dlm Seminar Sejarah Borneo Ke-2 (pp.99-106). Pusat Sejarah Brunei, Brunei Darussalam.

Black, I. (1983). *A gambling style of government, the establishment of Chartered Company rule in Sabah 1879-1915.* Oxford University Press.

British North Borneo Herald (BNBH), 1884.

British North Borneo Herald (BNBH), 1890.

Dg. Junaidah Awang Jambol & Baszley Bee Basrah Bee. (2021). Perubahan tradisi penempatan masyarakat Melayu Brunei di kawasan pantai barat Borneo Utara: Impak terhadap sosioekonomi (1881-1941). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 6*(1), https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.1143

Dg. Junaidah Awang Jambol. (2012). *Sejarah masyarakat Melayu Brunei di kawasan pantai barat Borneo Utara 1881-1963.* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah.

Dg. Junaidah Awang Jambol. (2018). Sejarah hubungan tradisi Brunei dengan Borneo Utara: Tinjauan terhadap faktor kemerosotan pentadbiran Kesultanan Brunei pada abad ke-19. *Jurnal Borneo Arkhailogia, 3*(2). https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/issue/view/194

Ismail Yusoff. (2004). *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lee, Y .L. (1982). *Sabah satu kajian geografi petempatan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

North Borneo Central Archives (NBCA) No. 73. Native Chief's Advisory Council Meetings, 1915.

North Borneo Central Archives (NBCA) No. 73E. Minutes Native Chiefs Advisory Council Meeting, April 6, 1935.

North Borneo Gazzete, 1920.

Osman Tahir. (1997). *Suku kaum Brunei Sabah; Tumpuan khusus di daerah Membakut, Daerah Papar, Bongawan (1860-an Sehingga 1990-an)*. (Sarjana Muda tidak diterbitkan). Universiti Malaya.

Pengiran Fauzi Pengiran Abdul Rahim. 74 Tahun, Kampung Takis Papar. KAN Papar. 5 April 2011.

Phelan, P.R. (2003). *The traditional legal system of Sabah*. Yayasan Sabah.

R.M Jasni, (1965). *Sejarah Sabah*. Sinaran Bros Sdn. Bhd.

Rutter, O. (1988). *The pagans of North Borneo*. Oxford University Press.

Sabihah Osman. (1985). *Pentadbiran pribumi Sabah 1881-1941.* Universiti Kebangsaan Malaysia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Singh, D. S. R. (2003). *The making of Sabah 1865-1941 the dynamics of indigenous society*. Universiti Malaya.

Tarling, N. (1971). *Britain, the Brookes & Brunei.* Oxford University Press.

Tregonning, K. G. (1965). *The history of modern Sabah*. University of Malaya.

Tregonning, K. G. (2007). *Under Chartered Company rule: North Borneo (1881-1946).* University of Malaya.

Yap, B. L. (2001). *Politik dan ekonomi masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).